

03 AUG 1996

Mahathir-Razaleigh

DR MAHATHIR AKAN JUMPA RAZALEIGH BINCANG MENGENAI SEMANGAT 46

KUALA LUMPUR, 3 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bersetuju berjumpa Presiden Parti Melayu Semangat 46 (S46) Tengku Razaleigh Hamzah bagi membincangkan keadaan terkini parti itu.

Perdana Menteri berkata beliau ingin mengetahui mengenai kedudukan hubungan S46 dengan Pas serta hasrat S46 berkenaan dengan Umno.

"Saya akan atur supaya diadakan perjumpaan ini secepat mungkin," kata Dr Mahathir, yang juga Presiden Umno, selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno di ibu pejabat parti di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Dr Mahathir dan Tengku Razaleigh telah berbincang dua kali sejak April lepas dan ekoran pertemuan itu, Presiden S46 itu beberapa kali menyatakan kesediaannya untuk membawa para pengikutnya kembali ke pangkuan Umno jika langkah itu dapat memperkukuhkan perpaduan Melayu.

Hasrat Tengku Razaleigh untuk menyertai semula Umno dikecam oleh Pas, sekutu S46 dalam kerajaan Angkatan Perpaduan Ummah yang memerintah Kelantan.

Ia merupakan antara sebab Pas memutuskan hubungan dengan S46 sejak bulan lepas menyebabkan kemelut politik yang berterusan di Kelantan.

Semasa menjawab soalan, Dr Mahathir berkata perjumpaannya dengan Tengku Razaleigh bukan disebabkan semakin ramai anggota S46 kini menyertai Pas.

"Saya daripada awalpun sudah membuat keputusan untuk berjumpa dengan Tengku Razaleigh, tinggal lagi masa tidak mengizinkan," katanya.

Dalam perkembangan di Kelantan, S46 kehilangan 343 anggotanya di kawasan Parlimen Rantau Panjang apabila mereka memohon menyertai PAS malam tadi.

Sebelum ini ratusan anggota S46 di negeri itu telah menyertai Pas termasuk anggota Dewan Undangan Negeri Kelantan kawasan Kelaboran, Haji Nordin Yaakob. -- BERNAMA

AZZ AHH